

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 9 JANUARI 2024  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 23

### Hutang negara dijangka mula berkurangan menjelang 2028

# Hutang negara dijangka mula berkurangan menjelang 2028

**Program penyasaran semula subsidi bolehkan kedudukan fiskal lebih kukuh**

Oleh Mahanum Abdul Aziz  
mahanum\_aziz@bh.com.my

**Paras** hutang negara dijangka mula menampakkan pengurangan menjelang 2028 dengan pengukuran fiskal berterusan dan sasaran deficit dicapai seperti yang ditetapkan, demikian menurut Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Beliau berkata, sasaran deficit fiskal 5.0 peratus bagi 2023 dijangka mampu dicapai, begitu juga dengan sasaran deficit bagi 2024 sebanyak 4.3 peratus yang dijangka boleh dicapai susulan penysaya-

ran semula subsidi.

Katanya, dengan paras deficit sebanyak 3.5 peratus dapat dicapai menjelang 2025, ia akan menjadi titik penting yang akan mencerminkan pengurangan hutang akan berlaku selepas itu.

"Kalau kita terus dengan sasaran pengukuran fiskal yang kita ada, menjelang 2028 kita akan mula melihat hutang kita berkurangan dan caj bayar hutang berkurangan."

"Kalau pertumbuhan ekonomi yang dijana menerusi bidang berpertumbuhan dan bernalil tinggi (GHV) baharu menampakkan hasil, pengurangan hutang akan menjadi lebih pantas mengatasi apa yang kita rancangkan," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Amanat Menteri Ekonomi yang diadakan di Putrajaya, semalam.

Akhil tahun lalu, Rafizi menyatakan bahawa kerajaan akan melaksanakan program subsidi bersasar RON95 pada tahun ini sebagai langkah untuk mengoptimumkan sumbernya kepada

golongan yang paling memerlukannya.

#### Cari kaedah gerakkan sumber

Beliau pada masa itu berkata, sebuah negara apabila T20 menerima 55 peratus daripada subsidi bukan api yang menyeluruh bukan satu model yang mampu dan juga bukan sebuah model yang saksama.

"Usaha ini sejajar dengan kedudukan kerajaan dalam meluaskan paradigma fiskal. Berdasarkan kewangan awam kita yang

mengalami deficit fiskal lebih 5.0 peratus selama tiga tahun berturut-turut, kita perlu mencari kaedah baharu untuk menggerakkan sumber kita dan mengurangkan pembaziran dalam sistem," kata-

Rafizi berkata, melaksanakan program penyasaran semula subsidi pada akhir 2024 akan segera membawa kepada kedudukan fiskal yang lebih baik untuk negara.

Malaysia kini dilaporkan negara ketiga tertinggi dunia untuk subsidi petrol.

Harga petrol RON95 negara ini adalah antara termurah di dunia dengan kadar RM2.05 sen seliter, malah lebih murah berbanding Arab Saudi, pengeluar minyak utama dunia (RM2.94).

Pada pembentangan Belanjawan 2024 pada Oktober tahun lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Menteri Kewangan berkata, keterlanjuruan lalu mengakibatkan hutang dan liabiliti negara menjangkau RM1.5 trillion atau 82 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasa (KDNK).

Beliau berkata, bayaran khidmat hutang sahaja dijangka mencatat RM46.1 bilion atau 15.2 peratus daripada hasil 2024.

Justeru, kata Perdana Menteri, hanya dengan mengurangkan deficit dan tanggungan, kerajaan dapat mengembalikan kedudukan fiskal negara yang mampu.

Dalam Belanjawan 2024, kuitan hasil kerajaan pada 2024 dijangka menyaksikan peningkatan kepada RM307.6 bilion berbanding RM303.2 bilion tahun sebelumnya.

**• Kalau pertumbuhan ekonomi yang dijana menerusi bidang berpertumbuhan dan bernalil tinggi (GHV) baharu menampakkan hasil, pengurangan hutang akan menjadi lebih pantas mengatasi apa yang kita rancangkan.**



Rafizi Ramli,  
Menteri Ekonomi